

Pak Lah: Laksanakan projek-projek kecil

UM 1 - NOV 2001

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) agar memberi lebih perhatian terhadap pelaksanaan projek-projek kecil di bawah pakej rancangan yang masih belum selesai.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan mereka tidak boleh lagi melengah-lengahkannya kerana hanya ada dua bulan sahaja lagi untuk berbuat demikian.

"Perdana Menteri hendak saya sampaikan kepada wakil-wakil rakyat BN supaya memastikan projek-projek yang telah dikenal pasti dilaksanakan dan diselesaikan dalam tahun ini juga," katanya.

Ditanya adakah pelaksanaan projek-projek tersebut terlalu lambat, Abdullah berkata:

"Bukan terlalu lambat tetapi sekarang kita cuma ada dua bulan lagi, jadi minta beri perhatian supaya jangan dilengah-lengahkan lagi."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan lebih tiga jam dengan Ahli-ahli Parlimen BN di sini malam ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Shamsuddin Hitam dan Ketua Jabatan Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zainul Ariff Husin.

Baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan terda-

pat beberapa projek yang dilaksanakan melalui peruntukan daripada pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan bernilai RM3 bilion masih belum selesai atau terbengkalai.

Antaranya ialah projek pembinaan jalan-jalan kampung dan penyediaan kemudahan di kawasan luar bandar.

Ditanya masalah yang mengekang pelaksanaan projek tersebut, Abdullah berkata, kebanyakannya melibatkan koordinasi antara projek-projek yang disenaraikan di bawah pakej dengan yang hendak dilaksanakan oleh ahli-ahli Parlimen.

Beliau bagaimanapun menafikan masalah birokrasi yang menyebabkan projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan.

"Ini bukan masalah birokrasi atau 'red tape', cuma

hendak pastikan projek-projek yang dikenal pasti itu dilaksanakan.

"Dan Ahli-ahli Parlimen ada peranan untuk menayakan projek-projek seperti itu," katanya.

Menurut beliau ICU akan bertindak sebagai badan pemantau bagi memastikan projek-projek kecil tersebut dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Katanya, segala prosedur dan program pelaksanaan telah pun digariskan cuma hendak memastikan tidak berlaku 'short call' iaitu peruntukan-peruntukan projek kecil itu tidak dapat dilaksanakan.

Ditanya mengenai isu penyelewengan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Abdullah berkata, ia tidak dibangkitkan pada pertemuan itu.